



ZOHARI SULAIMAN (tengah) bersama pelajar-pelajar istimewa dalam majlis Santai Bersama Anak-anak Istimewa dari Sekolah Menengah Kebangsaan Kajang Utama di Stesen MRT Merdeka, Kuala Lumpur, semalam. -UTUSAN/SURIYA BONMA

7.4 juta penumpang direkod naik MRT sejak beroperasi

KUALA LUMPUR 21 Ogos - Kadar penggunaan Transit Aliran Massa (MRT) mencatatkan 7.4 juta penumpang sejak kemudahan awam itu beroperasi pada 16 Disember tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Rail, Datuk Ir. Zohari Sulaiman berkata, jumlah itu menunjukkan perkembangan positif ke arah penggunaan pengangkutan awam di negara ini.

Menurutnya, daripada jumlah itu, sebanyak 100,000 penumpang sehari dicatatkan pada hari bekerja manakala 140,000 sehari pada hari minggu.

"Jumlah penumpang juga dijangka meningkat sepanjang temasya Sukan SEA berlangsung lebih-lebih lagi dengan tawaran promosi 50 peratus potongan untuk tambang sehingga 31 Ogos ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Santai Anak-Anak Istimewa Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kajang Utama anjuran Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) di stesen Transit Aliran Massa (MRT) Merdeka, di sini hari ini.

Seramai 121 pelajar istimewa dari sekolah berkenaan diraikan dengan pelbagai aktiviti selain melawat stesen Merdeka, Muzium Negara dan Kajang.

Zohari berkata, program tersebut adalah sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat yang bertujuan mengeratkan hubungan bersama



Jumlah penumpang juga dijangka meningkat sepanjang temasya Sukan SEA berlangsung lebih-lebih lagi dengan tawaran promosi 50 peratus potongan untuk tambang sehingga 31 Ogos ini."

ZOHARI SULAIMAN

Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Rail

komuniti selain mendedahkan pelajar terhadap pengangkutan awam.

"Program itu juga dapat memberi peluang kepada golongan kurang upaya (OKU) untuk menghargai kemudahan awam yang disediakan kerajaan. Saya harap mereka akan terus menggunakan kemudahan ini sebagai gaya hidup apabila berada di alam remaja dan pekerjaan nanti," katanya.

Sementara itu, Pengetua SMK Kajang Utama, Norehan Abdul Sani berkata, pihaknya berasa gembira kerana golongan istimewa itu turut sama-sama merasai pengalaman menaiki MRT yang sekali gus memberikan keceriaan kepada mereka.